

**SYARAT-SYARAT LESEN ALAT MENANGKAP IKAN
KAPAL RAWAI ZON 2**

1. Lesen ini _____ adalah untuk kapal _____ yang dipunyai oleh _____ dan tidak boleh digunakan untuk kapal lain atau pun ditukar milik.
2. Kapal ini adalah dibenarkan hanya untuk perusahaan penangkapan ikan dengan menggunakan alat _____ sahaja. Menggunakan kapal ini untuk kegiatan/perusahaan lain dan/atau membawa/mengusahakan alat penangkap ikan yang lain adalah tidak dibenarkan.
3. Pengusaha atau pemilik kapal rawai adalah tidak dibenarkan menukar atau mengganti enjin atau badan kapal berkenaan sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Perikanan.
4. Kapal rawai zon 2 hendaklah berat kapal tidak melebihi 60 GT serta mempunyai kuasa enjin (hp) yang tidak melebihi daripada 350 kuasakuda.
5. Bilik pandu bahagian luar dan atap mestilah dicat dengan "warna orange ribbon 324 jenis cat kangaroo" atau yang sebanding dengannya bagi kapal rawai yang dibenarkan untuk beroperasi di zon 2. Di sebelah tepi bahagian hadapan dan di tepi kiri dan kanan bilik pandu serta atap bilik pandu ditulis nombor kawasan zon dengan sais tinggi huruf 60 cm, lebar huruf 20 cm dan tebal huruf 10 cm warna putih.
6. Nakhoda yang membawa kapal mestilah:-
 - 6.1 Mempunyai Sijil Memandu Nakhoda Kapal iaitu; Sijil Kecekapan Memandu Kelas 9 yang dikeluarkan oleh Pihak Berkusa Maritim dan Pelabuhan Kementerian Perhubungan Negara Brunei Darussalam atau yang sebanding dengan nya yang diakui oleh Pihak Berkusa Maritim dan Pelabuhan Kementerian Perhubungan Negara Brunei Darussalam.
 - 6.2 Mestilah boleh berbahasa Melayu atau Inggeris.
7. Alat rawai tidak boleh melebihi 2 km panjang dan tidak boleh melebihi 1,000 mata kail.
8. Kapal mestilah dilengkapi dengan alat perhubungan elektronik iaitu radio VHF dan radar mestilah sentiasa dalam keadaan yang baik.

9. Nakhoda kapal mestilah mengisi Buku Catatan (Log Book) yang disediakan oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Buku tersebut boleh diperolehi dari Bahagian Kompleks Pendaratan Ikan Muara dan mestilah dikembalikan ke tempat tersebut pada tiap-tiap penghujung bulan.
10. Kapal ini tidak boleh beroperasi dibawah garis hijau di peta perikanan (zon 1) atau 3 batu nautika daripada pantai berdekatan dan sejauh 1 batu nautika daripada paip-paip dan struktur-struktur minyak dan gas.
11. Kapal mestilah bertambat dan menjalankan perusahaan dari Kompleks Pendaratan Ikan Muara atau Pusat Perikanan Belait dan mendaratkan semua hasil-hasil tangkapan di tempat yang berkenaan; seperti yang telah ditetapkan oleh Pengarah Perikanan. Walaubagaimana pun hasil tangkapan ikan yang masih hidup dibolehkan dipunggah di sangkar-sangkar ikan yang berdaftar di Jabatan Perikanan. Kapal adalah dikehendaki segera kembali ke Kompleks Pendaratan Ikan Muara atau Pusat Perikanan Belait sebaik-baik sahaja kerja-kerja pemunggahan ikan-ikan hidup ke sangkar-sangkar ikan selesai dilaksanakan.
12. Pemegang lesen mestilah mematuhi "**Manual Of Brunei Darussalam On Hygiene Requirement (s) For Fishing Vessels and Landing Sites**".
13. Peta-peta perikanan dan peta-peta lain yang berkenaan mestilah sentiasa ada dibawa di atas kapal.
14. Pegawai-Pegawai Yang Diberikuasa mestilah dibenarkan untuk menaiki atau memeriksa kapal pada bila-bila masa.
15. Nakhoda kapal dan anak-anak kapal mestilah memberikan maklumat-maklumat setiap kali ianya dipinta oleh Pegawai-Pegawai Yang Diberikuasa.
16. Pengusaha adalah dimestikan mematuhi Akta dan Peraturan-Peraturan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Kementerian Perhubungan Negara Brunei Darussalam.
17. Pengarah Perikanan berhak membatalkan lesen yang sudah dikeluarkan jika didapati kapal berkenaan tidak beroperasi selama 3 bulan berterusan.
18. Peruntukan kebenaran lesen bagi mengusahakan kapal rawai Syarikat ini akan ditarik balik jika tidak beroperasi atau tidak dilesenkan dalam tempoh 6 bulan.

19. Pemilik kapal rawai mestilah memindahkan kapal tersebut daripada kawasan Kompleks Pendaratan Ikan Muara atau Pusat Perikanan Belait jika peruntukan kebenaran lesen bagi mengusahakan kapal rawai berkenaan ditarik balik.
20. Tidak boleh menengelamkan atau membuang kapal ke dalam laut tanpa ada kebenaran bertulis daripada Jabatan Perikanan.
21. Kapal yang berdaftar dan berlesen alat perikanan di Negara ini tidak boleh memiliki lesen alat perikanan di negara-negara lain, jika didapati, lesen alat perikanan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan dibatalkan.
22. Pengarah Perikanan berhak dan boleh menambah atau mengubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa ke semasa.
23. Lesen bagi peralatan menangkap ikan ini tidak boleh digunakan untuk menangkap apa jua jenis spesis ikan Yu. Sekiranya tertangkap, semasa melakukan operasi penangkapan ikan, ia mestilah dilepaskan semula dengan serta merta.
24. Syarat-syarat lain adalah seperti yang dikuatkuasakan dibawah Perintah Perikanan, 2009 dan Peraturan-Peraturan Perikanan yang berkuatkuasa pada masa ini.

Saya dengan ini adalah bersetuju dengan syarat-syarat yang tersebut di atas.

Nama : _____

Jawatan : _____

Syarikat : _____

No kad pengenalan : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Bilangan lesen : _____


Diluluskan oleh Pegawai Yang Diberikuasa :

Nama : _____

Jawatan : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

A large, empty rectangular box with rounded corners, intended for the signature of the authorized officer.